

AL-HIKMAH

Jilid	13	ISSN 1985-6822	2021M
No.	2		1443 H

- PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀZIM AL-QUBRUŠĪ MENURUT AHLI SUNNAH WALJAMAAH: ULASAN KRITIKAL TERHADAP DAKWAAN DALAM ISU-ISU TASAWUF ...3-34
Abdullah Zawawi Mohd Zawawi, Muhammad Ayman Al-Akiti, Ahmad Arif Zulkefli & Zainul Abidin Abdul Halim
- CABARAN KELESTARIAN PELAKSANAAN PIAWAIAN MS 1900 (SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH) DI KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA ...35-61
Hasan Al-Banna Mohamed, Siti Arni Basir, Noor Azmi Mohd Zainol, Mohd Hamran Mohamad, Norashikin Sahol Hamid
- SUMBANGAN KARYA DAN INTERAKSI DAKWAH ʿABDULLAH AL-GHUMARI ...62-79
Muhammad Zulhelmi Sidek & Latifah Abdul Majid
- MEDIA QUALITIES AND PREFERENCES IN DA'WAH AMONG MUSLIM CONVERTS IN BORNEO ...80-101
Salinayanti Salim
- ULASAN BUKU/BOOK REVIEW ...102-107
Badlihisam Mohd Nasir & Nur Shafiqah Badlihisam

Al-Hikmah 13(2) 2021 102-107

ULASAN BUKU

Siri Pemikiran Islam: Islam Adil Untuk Semua

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang.
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 2020.

*BADLIHISHAM MOHD NASIR
NUR SHAFIQAH BADLIHISHAM

Penulisan buku agama daripada seorang agamawan yang turut serta dalam proses kebangkitan Islam di negara ini semakin ketara sejak akhir-akhir ini. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) sebagai contoh daripada mereka yang giat aktif menulis sejarah dalam rangka mengambil pengajaran darinya. Ia telah dilakukan oleh ramai tokoh-tokoh Gerakan Islam seperti Dr. Said Ramadhan al-Buti dan Dr. Karim Zaydan yang dijadikan rujukan oleh pendukung Gerakan Islam di seluruh dunia. Buku 'Islam Adil Untuk Semua' ini mempunyai 175 muka surat dan 3 bahagian, iaitu 1) Konsep Keadilan Dalam Pemerintahan Islam, 2) Pelaksanaan Adil Dalam Pemerintahan Islam 3) Keadilan Islam dalam Kehidupan. Setiap bahagian mempunyai 4 hingga lima sub-topik. Buku ini dimulakan dengan mukadimah dan diakhiri dengan penutup. Penyampaian penulis juga santai dan ringkas namun padat demi menarik minat golongan muda dan pembaca lain untuk membacanya. Infografik pada awal setiap bahagian disediakan bagi memberi rumusan ringkas setiap bahagian.

Buku ini dimulai dengan mukadimah oleh penulis yang menyatakan tentang tujuan buku ini ditulis bagi menerangkan prinsip adil dalam Islam yang berbeza dengan ajaran samawi atau ideologi manusia yang lain. Penulis menekankan bahawa orang kafir seperti Firaun dan Namrud yang zalim terhadap rakyatnya tetap mengaku adil dan berlaku baik kerana membantu rakyat dengan memberikan kesenangan hidup melalui pelbagai projek ekonomi. Sedangkan mereka memperbodoh rakyat dengan menjadikan rakyat buruh paksa dan mereka mengaut hasil kekayaan bumi yang diperintah secara paksa. Tindakan mereka itu seolah-olah tidak boleh ditegur oleh sesiapa pun.

Penulis menerangkan bahawa al-Quran ialah petunjuk sepanjang zaman yang patut diambil iktibar. Malangnya, para pengkaji sejarah lebih gemar membesarkan tentang tamadun kebendaan di zaman mereka berbanding isu kezaliman yang mereka lakukan. Seterusnya, penulis menegaskan tentang sifat zalim sebagai dosa besar sehingga Allah SWT

meletakkannya setaraf dengan syirik yang menjadi punca segala kejahatan. Beliau menyokong hujah tersebut dengan ayat-ayat al-Quran dan sirah para Rasul yang menunjukkan kezaliman membawa kerosakan yang nyata dan hanya al-Quran yang mampu menyelamatkan manusia kerana ajarannya adil untuk semua.

Setelah itu bahagian buku ini dimulakan dengan Bahagian 1 yang mempunyai 4 sub-topik di bawahnya iaitu: 1) Konsep Keadilan Islam, 2) Politik dan Amanah 3) Peranan Ulul Amri 4) Kewajipan Berlaku Adil. Di bawah sub-topik “Konsep Keadilan Islam”, penulis menjelaskan makna adil daripada Bahasa Arab dan syarak. Daripada sudut bahasa, adil bermaksud persamaan antara dua perkara atau dua yang bertelingkah tanpa berpihak kepada sesiapa. Daripada sudut Syarak pula, adil bermaksud bertindak dan membuat pertimbangan dengan istiqamah (betul dan tepat) menurut panduan al-Quran, al-Sunnah dan Ijtihad.

Di bawah “Konsep Keadilan Islam”, terdapat tiga *subpoint*. *Subpoint* pertama, iaitu Keadilan Ilahi, yang mana penulis menegaskan non-muslim mengakui bahawa Allah Maha Berkuasa secara fitrahnya. Mereka hanya jahil dalam cara pengakuan terhadap akidah yang hakiki. Oleh kerana kejahilan mereka, mereka melantik tuhan lain selain Allah SWT dan tidak beriman dengan ajaran para Rasul. Selain itu, penulis menerangkan bahawa mereka mencipta undang-undang sendiri sekalipun di luar bidang kemampuan diri. Perkara ini ialah satu kezaliman hukum yang membawa syirik kepada Allah SWT. Hujah ini disokong oleh ayat al-Quran. Beliau menegaskan melaksanakan undang-undang sendiri selain daripada undang-undang Allah SWT turut termasuk sebagai syirik. Syirik bukan sahaja merangkumi maksud yang difahami umum iaitu menyembah selain Allah SWT tetapi jika melaksanakan undang-undang selain daripada Allah SWT juga dianggap sebagai perbuatan syirik. Hal ini kerana, perkataan *al-Din* memberi makna seluruh peraturan hidup. Beliau merujuk kepada perkataan *al-Din* sebagaimana yang terdapat dalam ayat 21 surah al-Syura.

Beliau menegaskan bahawa antara tuntutan akidah ialah mengesakan Allah SWT dan mengakui keadilan-Nya secara menyeluruh sehingga membawa kepada pengakuan syahadah. Beliau mengemukakan kisah dua orang paderi Kristian datang berjumpa nabi Muhammad SAW dan meminta Baginda membuktikan kerasulannya. Selepas mendengar firman Allah SWT dalam surah Al ‘Imran ayat 18, mereka terus memeluk Islam kerana mengesahkan persamaan akidah tauhid dalam kalangan para rasul AS. Keesaan Allah SWT seiring dengan keadilan-Nya. Keadilan Allah SWT itu sangat benar hingga ia digandingkan bersama akidah dalam ayat 18 surah Al ‘Imran. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menegaskan sifat adil adalah wajib bagi Allah SWT secara nama dan sifat.

Daripada sudut akal pula, hanya Allah SWT yang layak menentukan sesuatu perkara secara adil dan tepat kerana Dialah Pencipta Alam. TGHH juga menerangkan tentang makna surah al-Hadid ayat 25, yang menegaskan bagaimana hendak menentukan keadilan dengan kitab Allah SWT dan para Rasul SAW serta pengikutnya yang setia. Ayat tersebut juga menjelaskan bahawa keadilan itu wajib ditegakkan walaupun terpaksa menggunakan kekuatan teknologi yang diciptakan daripada logam seperti besi demi menentang kezaliman. Allah SWT menyatakan sifat zalim ialah sifat mustahil bagi-Nya. Allah menegaskan demikian dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Maka sifat adil ialah sifat wajib bagi Allah SWT dan Allah SWT menyeru setiap manusia berlaku adil dan tidak zalim. Mereka yang adil, Allah SWT janjikan dengan balasan pahala manakala yang zalim, mereka akan mendapat dosa dan ditimpa bala dengan izin Allah SWT.

Subpoint ke 2 ialah Keadilan Menyeluruh. Di sini TGHH menerangkan Allah SWT yang mencipta segalanya dan menciptakan agama Islam untuk hambaNya. Ia merupakan panduan hidup yang adil dan menyeluruh merangkumi aspek roh dan jasad manusia secara individu, keluarga, masyarakat, siasah dan alam sekeliling.

Subpoint ke 3, iaitu Keadilan Politik. Di bawah *subpoint* ini, TGHH menerangkan tentang peranan Khalifah sebagaimana dinyatakan dalam ayat 30 surah al-Baqarah. Para Ulama menafsirkan ayat tersebut bahawa peranan khalifah sebagai kewajipan menegakkan agama Islam dan mentadbir urusan dunia dengan Islam. Para Rasul SAW melaksanakan kewajipan khalifah dengan penuh amanah. Persoalan akidah dilaksanakan melalui ibadat dan masa sama berjuang bagi menegakkan Khilafah di kawasan mereka diutuskan. Erti khalifah daripada sudut syarak ialah berpolitik menegakkan pemerintahan dengan melaksanakan keadilan berpandukan petunjuk Allah SWT. Seruan tauhid itu hendaklah ditegakkan dalam seluruh kehidupan. Al-Quran memaparkan kisah para nabi dan rasul yang terpaksa menghadapi pemimpin yang zalim seperti Nabi Musa dan Nabi Harun AS. Ada dalam kalangan rasul yang berjaya menjatuhkan kerajaan yang zalim pada zamannya seperti Nabi Daud, Nabi Sulaiman AS dan Nabi Muhammad SAW. Tidak kurang ada Nabi yang syahid dibunuh seperti Nabi Yahya, Nabi Zakaria AS, manakala Nabi Yusuf AS pula dipenjarakan. Dalam Hadis Rasulullah SAW menyatakan pemimpin politik kaum bani Israel pada zaman dahulu ialah para anbiya’.

Allah SWT menjelaskan kepada para Rasul untuk tetap berlaku adil dalam urusan kepimpinan. Hai ini disebutkan dengan jelas dalam al-Quran dan hadis. TGHH menerangkan kewajipan berlaku adil itu wajib hatta atas bukan muslim berdasarkan sepotong hadis Rasulullah SAW yang memutuskan tentang tuduhan fitnah antara seorang Yahudi dan seorang

munafik. TGHH turut menyatakan contoh keadilan politik Islam ialah pemerintahan Islam dalam mengurus masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai agama, bangsa dan budaya sejak zaman Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rasyidin dan beberapa orang Khalifah selepasnya walaupun tiada perhubungan yang pantas seperti sekarang. Golongan bukan Islam masuk Islam secara berduyun-duyun tanpa paksaan. Hal ini kerana mereka merasai kesan keadilan Islam yang membenarkan mereka mengamalkan agama asal mereka selagi mereka rela menjadi rakyat kepada negara Islam. Kesannya hingga kini, walaupun tiada lagi kerajaan Islam yang sebenar tetapi golongan minoriti bukan Islam tetap boleh hidup aman di samping golongan majoriti Islam. Hal ini berbeza dengan nasib yang menimpa golongan minoriti Islam yang tinggal bersama golongan majoriti bukan Islam seperti di Balkan, China, dan India.

TGHH turut menambah tentang ada kalangan mereka yang memusuhi Islam itu menuduh bahawa politik ialah permainan kotor yang bukan daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini ialah tuduhan yang datang daripada pengaruh penjajah bukan Islam kerana mereka menganut ajaran yang memisahkan politik dengan agama iaitu sekularisme. Ia hasil daripada penyelewengan agama Kristian yang berlaku dalam masyarakat Barat. Hukumnya haram dan sesat bagi orang Islam berucap dengan ucapan seperti itu berdasarkan Majlis Fatwa Islam Sedunia di Makkah. Mufti pada zaman Kerajaan Uthmaniyah, Syeikh Mustafa Sobri RHM dalam kitab *Mawqif al-'Aql wa al-'Ilm wa al-'Alam*. Majlis Universiti al-Azhar pada awal abad yang lalu pernah memecat seorang ulama', iaitu Ali Abdul Raziq yang menulis kenyataan bahawa politik itu tiada hubungan dengan agama Islam. Tulisan itu mendedahkan bagaimana beliau diperalatkan oleh penjajah yang bermusuhan dengan Islam dan penganutnya ketika jihad menentang penjajah di seluruh dunia Islam.

Dalam Bahagian 2 yang bertajuk "Pelaksanaan Adil dalam Sistem Pemerintahan" yang dipecahkan dalam empat sub-topik iaitu Menolak Sistem Diktator atau Teokrasi yang mana TGHH menegaskan bahawa Islam menentang kezaliman daripada golongan diktator seperti al-Mala' atau golongan bangsawan dan teokrasi yang berlagak seperti Tuhan kerana manusia tetap ada kekurangan dan memerlukan petunjuk Allah SWT. Dalam sub-topik kedua pula yang bertajuk "Siyasah Syar'iyah", penulis menerangkan tentang Siyasah Syar'iyah yang menggariskan pelaksanaan hukum Islam dengan cara yang adil sama ada dalam perkara yang ada dalil atau tidak. Penulis juga menerangkan Siyasah Syar'iyah turut dikenali sebagai *Fiqh al-Aulawiyat*, *Fiqh al-Muwazanat*, *Fiqh al-Ma'alat* atau *Fiqh al-Maqasid*.

Seterusnya penulis menerangkan dalam sub-topik ketiga 3 di bahagian 2 iaitu "Sistem Islam dan Demokrasi" tentang Islam adalah

agama yang menyeluruh dan sempurna tanpa mengira kaum, tempat dan keadaan. Sistem demokrasi moden ciptaan Barat yang diwarisi daripada tamadun Athens adalah satu sistem yang lompong kerana memisahkan politik daripada ajaran dan akhlak Islam. Hal ini menyebabkan berlaku salah guna kuasa dalam pemerintahan. Sub-topik keempat pula bertajuk “Sistem Perundangan Islam” menerangkan tentang intipati undang-undang Islam dibahagikan kepada lima iaitu Ibadat, Munakahat, Muamalat, Jenayah, Siyasah Syar’iyyah atau Ahkam Sultaniyyah. Semua perkara tersebut bersumberkan al-Quran, Hadis, Ijtihad para ulama’, qias dan juga ditambah dengan istihsan, ‘uruf dan lain-lain oleh beberapa mazhab. Di sub-topik terakhir yang bertajuk “Sistem Kehakiman Dalam Islam” pula, menerangkan tentang konsep kehakiman yang bebas daripada dipengaruhi campur tangan kuasa lain khususnya pemerintah. Penulis juga menerangkan elemen lain yang wujud dalam sistem kehakiman Islam seperti saksi, ikrar, hisbah, dan wilayah mazalim yang ada asasnya dalam al-Quran, Hadis dan sirah nabawiyah. Adapun bagi bukan muslim, Islam memberi mereka pilihan untuk memilih sama ada menggunakan undang-undang Islam atau undang-undang mereka sendiri dalam perkara jenayah yang mengandungi hikmahnya yang banyak.

Selanjutnya, penulis meneruskan perbincangannya dalam bahagian terakhir buku ini yang bertajuk “Keadilan Islam Dalam Kehidupan”. Perbincangan tentang keadilan Islam ini diterangkan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti keadilan ekonomi Islam, keadilan Islam dalam sistem masyarakat, undang-undang jenayah Islam, keadilan Islam dalam hubungan antarabangsa dan keadilan terhadap haiwan dan alam sekitar. Penulis turut menerangkan tentang kegagalan sistem sosialisme dan liberal kapitalisme yang tidak selari dengan fitrah manusia sehingga menyebabkan berlaku kezaliman. Penulis turut mengemukakan beberapa ayat al-Quran yang memberi ancaman azab Allah SWT buat mereka yang meninggalkan panduan Islam dalam kehidupan. Penulis menerangkan banyak contoh keadilan Islam daripada sudut cara hidup termasuk hukumnya sebagaimana termaktub di dalam al-Quran, hadis Rasulullah SAW dan amalan Khulafa’ al-Rasyidin. Antara contoh keadilan Islam dalam sistem masyarakat yang dipetik oleh penulis ialah waris lelaki yang terdekat wajib mengambil alih tugas bagi menunaikan kewajipan, apabila waris wanitanya ketiadaan suaminya dengan sebab kematian, perceraian dan lain-lain. Inilah hikmah syariat Islam apabila kaum lelaki mendapat bahagian sekali ganda daripada bahagian perempuan dalam pembahagian faraid iaitu hak itu datang sekali dengan tanggungjawab.

Pada penutup buku ini, penulis mengulangi sekali tentang mukjizat ilmu al-Quran yang membina tamadun manusia dengan akidah, ilmu dan akhlak termasuk juga dalam aspek pemerintahan atau politik. Penulis

memetik Surah al-Nisa' ayat 58-59 yang menunjukkan selagi keadilan Islam itu ditegakkan, maka bentuk sistem pemerintahan yang dilaksanakan sama ada khilafah mahupun monarki tetap dikira sebagai pemerintahan Islam. Penulis turut menyimpulkan bahawa keadilan Islam itu meliputi seluruh aspek kehidupan manusia seperti yang telah diterangkan dalam Bahagian 2 dan 3 buku ini.

Ringkasnya buku ini umumnya berjaya menonjolkan sisi intelektual penulis apabila dapat memberi fokus tentang konsep keadilan dalam Islam serta dapat memberikan contoh-contoh keadilan Islam dalam pemerintahan dan dalam pelbagai aspek kehidupan dengan menjadikan al-Quran, hadis Rasulullah SAW, amalan Khulafa' al-Rashidin dan kata-kata ulama' sebagai hujah pada penerangan yang beliau berikan. Penulis turut mampu memberi ulasan ringkas tetapi tepat mengenainya. Inilah matlamat yang hendak dicapai oleh buku ini kerana telah sedia maklum bahawa sebagai seorang tokoh Gerakan Islam, TGHH sememangnya berusaha untuk menolak dakwaan yang bercanggah dengan keadilan Islam itu sendiri. Buku ini turut mampu menarik minat golongan muda yang sibuk untuk membaca kerana muka suratnya agak nipis. Walau bagaimanapun, tiada rujukan atau bibliografi disediakan di hujung buku ini tetapi penulis memuatkan nama kitab, jilid dan muka surat ketika memetik hadis dan kata-kata Khulafa' al-Rashidin dan para ulama' dalam penulisan beliau. Perkara ini sedikit sebanyak memberikan kelemahan daripada sudut rujukan. Ia adalah perlu bagi memudahkan pembaca yang ingin melakukan kajian untuk mencari rujukan.

Pengulas:

Prof. Dr. Badlihisam Mohd Nasir
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
Emel: badlihisam@utm.my

Nur Shafiqah Badlihisam
Pelajar Sarjana
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Emel: Fiqhsumayyah97@gmail.com